

# **KERTAS KERJA ASAS KEUSHAWANAN(ETR 300)**

## **RANCANGAN PERNIAGAAN (ETR 300)**

### **IXORA ENTERPRISE**

(PERUSAHAAAN PEMBUATAN KUNCI KESELAMATAN ELEKTRONIK)

#### ***DISEDIAKAN UNTUK:***

ENCIK AMRAN AWANG  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
ITM CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS

#### ***DISEDIAKAN OLEH:***

ABDUL HADI ABDUL HALIM 9548526  
ARIZAL ABDULLAH 95257654  
AZAHARIL AZHAR ROSLI 95449601  
HALIMAH HAJI ABDUL RAZAK 95456127  
ROHANI AHMAD IDRIS 95986235

20 FEBRUARI 1998

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1) <i>SURAT PENGESAHAN</i>	i
2) <i>MUQADDIMAH</i>	1
3) <i>PENGHARGAAN</i>	2
4) <i>SINOPSIS</i>	4
5) <i>PENGENALAN</i>	5
6) <i>MATLAMAT</i>	6
7) <i>STRATEGI</i>	7
8) <i>LOGO</i>	8
9) <i>PENERANGAN LOGO</i>	9
10) <i>SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN</i>	10
11) <i>LATAR BELAKANG SYARIKAT</i>	13
12) <i>LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI</i>	14
13) <i>LATAR BELAKANG PROJEK</i>	19
14) <i>RANCANGAN PENTADBIRAN</i>	20
15) <i>RANCANGAN PEMASARAN</i>	39
16) <i>RANCANGAN OPERASI</i>	49
17) <i>RANCANGAN KEWANGAN</i>	61
18) <i>KESIMPULAN DAN RUMUSAN</i>	94
19) <i>LAMPIRAN</i>	

## **SINOPSIS**

IXORA ENTERPRISE ini ditubuhkan pada 1 Januari 1998 dan akan mula beroperasi pada 1 Januari 2001. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat perkongsian yang menjalankan perniagaan pembuatan kunci. Perniagaan yang dirancang ini mempunyai matlamat dan falsafahnya yang tersendiri seiring dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan usahawan berteknologi tinggi.

Pengurusan syarikat ini akan dikendalikan secara sepenuh masa oleh ahli rakan kongsi dan dibantu oleh 6 orang pekerja am. Modal permulaan ini ialah sebanyak RM87858 yang disumbangkan oleh rakan-rakan kongsi dan syarikat ini juga telah membuat pinjaman dengan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) sebanyak RM60000

Lokasi syarikat ini beralamat di Lot 33, Tingkat 2, Seberang Jaya, 02000 Kuala Perlis, Perlis. Adalah dijangkakan negeri Perlis akan menjadi sebuah negeri industri dan juga sebagai bandar pelabuhan di utara Malaysia. Jadi, dengan lokasi kami yang strategik serta faktor-faktor penggalak yang lain, kami yakin akan dapat memperkembangkan perniagaan ini ke tahap yang membanggakan.

## **PENGENALAN**

Industri Pembuatan Kunci masih belum dikuasai oleh usahawan Bumiputera di negara ini. Industri ini dijangka akan mengalami perkembangan yang lebih pesat menjelang tahun 2020. Ini adalah ekoran daripada penggunaan teknologi perindustrian yang lebih tinggi lagi canggih.

Perniagaan ini juga dapat membuktikan keupayaan kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan yang mempunyai banyak saingen dari syarikat-syarikat pembuatan kunci yang lain yang kebanyakannya dikuasai oleh bangsa asing.

Menyedari kepentingan dan peluang perniagaan yang ada disektor ini, juga bagi menyahut seruan kerajaan maka **“IXORA ENTERPRISE”** akan mengusahakan perniagaan ini.

## **RANCANGAN PERNIAGAAN**

### **MATLAMAT**

Proses penyediaan Rancangan Perniagaan memerlukan ketelitian dan ketepatan dalam membuat ramalan. Walaupun ianya amat rumit tetapi ia banyak memberi manfaat kepada para usahawan yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Tujuan penyediaan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk memberi garis panduan atau bahan rujukan kepada kami untuk menjalankan perniagaan yang mana dengan adanya Rancangan Perniagaan, kami dapat menilai tahap pencapaian kami.

Penyediaan Rancangan Perniagaan ini juga adalah untuk meyakinkan pihak-pihak tertentu terhadap projek kami terutamanya pihak bank atas kemampuan membayar balik pinjaman yang telah dilakukan.

Disamping itu juga, penyediaan Rancangan Perniagaan ini bertujuan untuk :

- 1) mengkaji dan menilai sama ada projek yang akan dijalankan ini berdaya maju.
- 2) menjadikan garis panduan untuk menguruskan perniagaan serta panduan pada setiap rakan kongsi supaya tidak terpesong dari matlamat asal syarikat.
- 3) untuk memberi panduan dan petunjuk kepada usahawan Melayu yang lain yang ingin menceburji bidang perniagaan.